

Mahathir jelas sebab ITM ditutup

Oleh
Adam Abdul Hamid

MASIH ramai orang tidak tahu kedudukan sebenar mengapa ITM ditutup. Mereka masih meraba-raba sama ada hendak menyokong pelajar-pelajar atau Dr. Mahathir.

Pada hari Rabu lalu satu perjumpaan secara terbuka telah diadakan di antara Dr. Mahathir dan Dewan Pemuda PAS. Adalah dirasakan perjumpaan itu perlu diketahui oleh kita untuk faedah bersama.

Rencana ini saya tulis tanpa sebarang komen. Saya hanya melaporkan secara peincian perjumpaan itu. Adalah menjadi hak saudara untuk menentukan pendirian saudara.

Di pihak Dr. Mahathir menghadiri perjumpaan itu ialah Pemangku Pengerusi Majlis Pentadbir ITM, Datuk Mansor Othman, Pengarah ITM, Datuk Lokman Musa, Timbalannya Encik Tahir Majid dan lain-lain pegawai kanan.

Dewan Pemuda PAS pula diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Encik Hamim Abu Bakar, Encik Azhari Hamzah, Nik Mustapha Shate, Mohamad bin Kaasim, Abdul Latiff Mohammad Lazim, Rushdi Ariff dan Othman Mardzuki.

Mula-mula Dr. Mahathir telah diberitahu oleh salah seorang anggota Dewan Pemuda PAS bahawa kedatangan mereka ialah untuk mengetahui kedudukan sebenar mengenai krisis ITM itu.

Ketua mereka, Encik Mustafa Ali yang menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak dapat hadir kerana keuzuran.

Terang Dr. Mahathir: "Beginilah, perkara ini kerap benar disebut di dalam akhbar dan saya ditanya di tiap-tiap tempat yang saya pergi".



"Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Encik (sekarang Datuk) Abdul Kadir Talib (masa itu beliau belum menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran) YB Tan Sri Syed Jaafar Albar, Encik Samad Ismail Pengarang Urusan Straits Times dan Encik Lorraine Osman, seorang peniaga Bumiputra yang sangat berjaya dan juga Pengerusi Bernama.

"Mereka ini semuanya orang bebas. Tidak ada kena mengena dengan Kementerian Pelajaran. Tan Sri Syed Jaafar Albar seorang sahaja yang ahli Parlimen, tetapi beliau bukanlah sebahagian dari anggota kerajaan.

Mereka ini membuat laporan dari apa yang mereka lihat. Tidak ada sebarang paksaan dikenakan ke atas mereka.

Dr. Mahathir kemudian meminta maaf kerana laporan itu di dalam Bahasa Inggeris. "Saya minta maafflah kerana laporan ini dibuat dulu, bukannya zaman saya", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa laporan itu terhad dan sulit, jadi beliau tidak dapat membacakannya.

Isi kandungan laporan tersebut menurut Dr. Mahathir ialah kedudukan yang membawa kepada demonstrasi, penyelidikan mengenai sistem disiplin dan cadangan-cadangan berhubung dengan perkara tersebut.

"Laporan ini telah diserahkan kepada Tan Sri Ghazali Shafie (Pengerusi Majlis Pentadbir masa itu) dan juga kerajaan, kabinet yang membuat arahan itu, jadi kerajaan perlulah tahu".

Berdasarkan kepada laporan tersebut, katanya, beberapa cadangan telah dibuat termasuklah perlantikan Datuk Haji Lokman Musa dan juga perlunya kuatkuasa disiplin dijalankan.

"Saya memberi jaminan bahawa sehingga ini tidak ada satupun tindakan yang diambil terkeluar dari cadangan-cadangan di dalam laporan tersebut.

"Sekarang ini orang mempersoalkan adakah kita perlu tubuh satu lagi jawatankuasa penyelidikan? Jawabannya tidak perlu kerana masalahnya sama betul dengan apa yang terkandung di dalam laporan pertama.

"Apa yang kita buat pun berdasarkan laporan pertama itu, malangnya keadaan di dalam kampus tidak mengizin-

"Saya tidak dapat menjawab tiap-tiap kali mengenai perkara yang sama. Jadi inilah sebabnya akhbar-akhbar dipanggil supaya kita dapat memberi penerangan yang jelas dan tidak bersembunyi".

Semua wakil akhbar ada termasuk akhbar-akhbar China.

Beliau lalu menyebut tujuan ITM ditubuhkan. Katanya: "Tidak payahlah saya ceritakan satu persatu bagaimana ITM ditutup kerana kita semua sudah tahu melalui akhbar-akhbar".

Menurutnya, ITM yang bermula dari Pusat Latihan RIDA dulu telah diilhamkan dari Kongres Bumiputra tahun 1964. Tujuannya ialah untuk melatih seberapa ramai Bumiputra yang boleh dalam bidang tenaga mahir dan separuh profesional untuk memenuhi kehendak negara.

"Pada masa itu di firma-firma swasta semua pegawai eksekutifnya adalah bukan Bumiputra. Ini tidak sihat. Tetapi apabila kita tanya mengapa tidak ambil Bumiputra, alasan mereka ialah tidak ada Bumiputra yang terlatih.

"Atas dasar inilah ITM ujud. Kita menubuhkannya bukannya untuk memenuhi kehendak kerajaan sangat. Tetapi hendak memenuhi kehendak pihak swasta tadi.

"Mula-mula dulu kita adakan di Jalan Othman, kemudiannya pindah pula ke Shah Alam di mana institut itu boleh menampung 4,500 orang pelajar.

"Berdasarkan kepada pengarah yang lama (Datuk Dr. Arshad Ayub), kolej itu telah dipenuhi lebih daripada yang diperlukan. Sehingga pada satu masa ia mempunyai lebih 7,000 orang penuntut.

"Pelajar-pelajar diberitahu bahawa mereka boleh mengambil ijazah hingga ke peringkat tinggi.

Apa yang kita buat

"Satu masa ada ura-ura ITM hendak dijadikan universiti. Kenyataan yang dibuat bukannya dari pelajar sahaja, tetapi juga oleh Pengarah (masa itu) sendiri.

"Saya fikir kita masih ingat lagi lepas itu terjadilah pelajar-pelajar berarak ke Parlimen pada bulan Mei 1974. Akibatnya ITM terpaksa ditutup enam minggu", kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir berikutan dengan peristiwa itu satu suruhanjaya telah ditubuhkan untuk membuat laporan kepada Majlis Pentadbir ITM.

mombaiki nasib mereka?", tanya beliau.

Dr. Mahathir kemudian telah meminta Datuk Lokman supaya menceritakan peristiwa tersebut.

Kata Datuk Haji Lokman: "Saya dengan khabar makanan mereka mereka tidak sedap. Jadi saya pergilah siasat sendiri, malangnya sikap mereka seperti kata Dr. Mahathir tadi.

Air sepuluh timba

"Saya juga pergi ke hostel 4 kerana saya dengar pembekalan air kurang. Yang menjadi masalahnya hostel 4 ini ialah selagi tangkinya tidak penuh, air paip keluar kurang.

"Apabila saya lalu diasrama mereka, mereka pekik air, air, air. Mereka bagaimanapun tidak keluar, di dalam bilik sahaja. Jadi macam manalah saya hendak menjalankan tugas saya?

"Saya pergi ke asrama lain. Saya tanya warden adakah masalah air telah diberitahu kepada pelajar-pelajar, mereka jawab sudah.

"Kami telah menasihatkan pelajar-pelajar supaya kalau selalu menggunakan air sepuluh timba, pakailah lima timba sahaja".

Tiba di sini Dr. Mahathir mencelah: "Pendek kata kalau pihak pentadbir hendak buat apa-apa, kita selalu dihalang.

"Kalau sudah bilangan mereka (pelajar), ramai, jalan yang sebaik-baiknya ialah kita undur. Kalau kita berkeras tentulah jadi sesuatu perkara buruk".

Dr. Mahathir juga telah menceritakan tentang bilik-bilik di dalam hostel dibuat kunci lain. "Kalau kita hendak periksa mereka tidak akan memberi dan mereka halang".

kan.

"Kalau kita tidak laksanakan tidak timbul masalah, tetapi kalau kita hendak melaksanakan berbagai-bagai kesukulan timbul.

"Saya suka memberi jaminan lagi sekali bahawa apa yang saya lakukan semuanya tercatat di dalam laporan tersebut. Tetapi kalau hendak diadakan penyiasatan lagi sekali, ini adalah satu pembaziran".

Kata Menteri Pelajaran: "Saya sebenarnya tidak mahu berkata sesuatu yang memburukkan mana-mana pihak, tetapi kalau saya terpaksa, saya akan sebut".

Beliau lalu menceritakan bahawa laporan pertama itu tidak dapat gambaran sebenarnya keadaan di dalam kampus.

"Setelah pelajar-pelajar balik kampung baru-baru ini dan pemeriksaan dibuat di bilik-bilik mereka, barulah kita tahu bahawa keadaan di kampus lebih buruk.

"Saya ada bukti tentang dakwaan saya ini. Saya juga membuat pemeriksaan sendiri, kalau dengar cakap orang saya tidak percaya", katanya.

Tambah Dr. Mahathir: "Saya fikir tindakan saya ini memburukkan satu bahagian pelajar. Tetapi kalau tidak disingkir mereka ini, lebih baik kita biar keadaan begitu sahaja".

Seorang wakil Pemuda PAS bertanya beliau setakah manakah kita tidak boleh mengikut laporan pertama itu?

Jawab: "Pendek kata pihak pentadbir ITM telah cuba segala-galanya. Tetapi kerana penuntut 7,000 orang berbanding dengan pengawal keselamatan 116 orang, tentulah apa usaha pun tidak boleh dibuat.

"Pada masa ini asrama yang didiami oleh 1,500 orang pelajar hanya dikawal oleh seorang pengawal keselamatan. Apa yang dia boleh buat?

"Itulah sebabnya kita bercadang untuk mengembalikan bilangan di ITM kepada 4,500 orang sahaja supaya semua pelajar dapat belajar dengan tenang dan tinggal selesa.

"Datuk Lokman satu hari telah pergi melawat dapur. Kita tahu bahawa kita membelanjakan \$600,000 sebulan untuk makanan jadi tentulah kita hendakkan makanan itu sedap.

"Malangnya penuntut-penuntut telah menunjuk perasaan, tidak begitu suka dengantindakan Datuk Lokman itu. Macam mana yang harus kita buat sedangkan kita hendak

"Dalam pertemuan dengan KSITM itu juga mereka menimbulkan soal mengapa mereka tidak diajak berunding kalau kita hendak buat sesuatu. Kata mereka-mereka mestilah diundang dan diajak berunding.

"Saya menjawab, perkara yang kita tidak boleh buat, dan sekiranya mereka pandai barulah boleh diajak berunding. Ini engkau (kepada penuntut) bukannya Tuhan, engkau bukan wali, engkau hanya penuntut.

"Terima tak terima? Angkuh KSITM ini mesti diselesaikan. Setuju Tok, jawab mereka," kata Datuk Mansor.

Beliau menambah bahawa pelajar-pelajar itu salah faham tentang dua perkara iaitu pertama polisi dan pelaksanaan dan kedua, perundangan.

"Bila saya tanya budak-budak itu, mereka memberikan makna yang tidak tepat.

"Mula-mula mereka kata Datuk Lokman tidak betul. Saya tanya apa fasal tidak betul? Mereka jawab Datuk Lokman bodoh. Saya tanya macam mana bodoh? Sebab kami tidak suka dia.

"Jadi saya dapati jawapan mereka berpusing-pusing. Saya beritahu mereka, sekurang-kurangnya Datuk Lokman ada honours (ijazah), engkau apa ada? Periksa pun belum lulus.

"Bila saya kata begitu mereka kata mereka tidak suka Doktor Mahathir pula. Saya kata Doktor Mahathir doktor ubat, enam tahun dia di dalam universiti." (Disambut dengan gelak ketawa oleh ahli-ahli Dewan Pemuda PAS).

Sebaik-baik sahaja dewan tenang Menteri Besar Negeri Sembilan itu menyambung: "Sebenarnya perkara ITM ini tidak besar. Tetapi semua orang hendak menanggung di air yang keruh. Itulah sebabnya jadi besar.

Beliau memberitahu bahawa mengikut laporan petama itu tidak ada apa-apa tindakan yang boleh dibuat. Laporan itu menyebut, kalau penuntut tidak suka, suatu pun tidak boleh dibuat.

Datuk Lokman kemudian menjelaskan bahawa soal disiplin telah diwujudkan sejak dulu lagi. Sekarang ini tugas ITM ialah hendak memperkuatkan pelaksanaan itu.

Soalan dari Pemuda PAS: Tidakkah boleh kita tegas? Dr. Mahathir: "Kalau kita cuba berkeras, kesannya ialah tunjuk perasaan".

Lembut pula, bagaimana?

Datuk Lokman: "Selepas pilihanraya KSITM pada bulan September dulu saya meminta supaya berjumpa dengan pelajar-pelajar yang dilantik.

"Pada permulaannya biarlah dua minggu sekali. Kalau tidak banyak masalah nanti, sebulan sekali.

"Mula-mula mereka setuju. Dalam mesyuarat yang pertama banyak perkara dapat dibereskan termasuk soal makan dan sebagainya.

"Lepas itu tidak ada lagi. Mereka kata sibuklah, tak senanglah dan lain-lain lagi".

Menurut Datuk Haji Lokman beliau pernah memberitahu pemimpin-pemimpin pelajar itu bahawa beliau bersedia berjumpa mereka bila-bila masa sahaja.

"Saya pernah berkata, "saya tidak kira masa sangat. Kalau patut lepas Isyak, lepas Isyak saya datang. Saya pun faham mereka ada kuliah pada siangnyanya", jelasnya.

Sampai di sini Datuk Mansor memberitahu bahawa beliau ingin memberi penerangan.

Beliau menekankan: "Soal dasar: terang, laporan: Kita faham, tetapi yang lemahnya ialah pelaksanaan.

"Selama ini tidak ada orang yang berani hendak melaksanakan dasar yang telah dicadangkan itu. Jadi apabila Dr. Mahathir cuba membuatnya, beliaulah yang menjadi mangsa.

"Saya berpendapat, kalau orang lain pun cuba melaksanakan cadangan ini — tidak kira Dr. Mahathir atau tidak kira siapa — dia akan menjadi sasaran.

"Jadi perkara ITM ini sudah lama terbiar. Dari satu masa ke satu masa. Tidak ada siapa yang berani ke depan.

"Ia tidak ubahlah seperti rumah yang sudah kotor, sampah sana sampah sini. Tahi ayam penuh, kotor bersepah-sepah.

Tidak ada yang berani

"Malangnya tidak ada orang yang hendak ambil air dan siram. Tidak ada orang yang hendak ambil sapu dan bersihkan. Masing-masing semua kata: engkahlah buat. Tidak ada yang berani", kata beliau.

Datuk Mansor menambah, pelaksanaan inilah yang tidak dibuat, jadi apabila Dr. Mahathir mencubanya dia menerima penangan.

"Saya sendiri sudah beritahu Datuk Lokman supaya jalinkan segera tindakan disiplin", tambahnya.

Menteri Besar Negeri Sembilan itu kemudian menceritakan tentang rundingannya dengan KSITM di Seremban.

"Mereka datang jumpa saya. Setelah berunding saya dapati mereka kurang faham di mana dasar dan di mana pelaksanaan. Di mana mereka patut boleh campur.

"Saya beritahu mereka, soal polisi tidak usah campur. Mereka pun setuju dan kata mereka: "Datuk betulkanlah Datuk. Kami serah bulat-bulat pada Datuk.

"Inilah yang saya katakan tadi pelaksanaan lemah. Tiap-tiap pensyarah saya panggil — seorang pada satu masa — dan saya tanya apa masalah penuntut ITM. Kata mereka tidak ada disiplin lemah.

"Saya pun tanya Datuk Lokman, apa pendapat Dr. Mahathir kalau dilaksanakan segera tindakan disiplin. Kata Datuk Lokman, Dr. Mahathir bersetuju. Itu sebablah disiplin dengan segera dijalankan.

"Perkara ini kecil sahaja. Saya tidak menganggapnya sebagai satu krisis. Cuma orang kurang faham tentang kedudukan sebenarnya.

"Apa yang kita buat cuma hendak tentukan nasib budak-budak itu, bukannya kita hendak jahanamkan mereka."

Beliau menisfatkan kejadian di ITM itu serupalah dengan kita membuat rumah. Kalau kita hendak menjadikannya cantik di mana kita terpaksa potong 10 kaki, itu bukanlah satu krisis.

"Itulah pendapat saya. Doktor Mahathir ini nasibnya kurang baik kerana masa dia (menjadi Menteri-Pelajaran) kejadian ini berlaku."

Doktor Mahathir kemudian menyambung: "Tadi saya katakan keadaan di dalam kampus lebih buruk. Inilah bukti-buktinya..."

Beliau lalu mengeluarkan kapak Siam (kalau tidak silap saya tiga bilah), beberapa butir peluru, pedang samurai, pedang biasa, lawi ayam, beberapa bilah pisau dan kerambit.

Beliau juga mengeluarkan alat-alat menghisap dadah, gambar-gambar lucah, poster-poster dan juga kad pengenalan kampus tiruan.

Katanya: "Cuba tuan-tuan fikir, kalau barang-barang ini ada di dalam kampus, tidak mungkinkah mereka ugut pegawai-pegawai pentadbir?"

"Saya senditi tidak berani memberi jaminan bahawa mereka (pegawai-pegawai pentadbir) tidak akan dikapak.

"Saya ada juga terima ugutan kapak Siam dari Kelantan, tetapi saya tidak takut sangat. Sebabnya saya tidak nampak benda itu.

"Tetapi ini benda-bendanya ada di dalam kampus. Macam mana kita hendak yakin bahawa mereka tidak buat?"

Macam-macam fitnah

Beliau juga bertanya apa perasaan ibubapa apabila mereka tahu mengenai perkara ini.

"Kalau saya sendiri, secara ikhlas saya katakan, saya tidak berani menghantar anak saya ke ITM," katanya.

Beliau kemudian mengemukakan persoalan: Apakah kita hendak mempertahankan mereka ini atau menjaga keselamatan orang lain?

"Cuba tuan-tuan lihat ini, alat hisap dadah pun ada," katanya sambil menunjukkan alat itu. "Ini kita dapat dalam asrama pelajar-pelajar semasa mereka balik kampung baru-baru ini."

"Masa mereka ada di asrama kita tidak boleh hendak periksa. Bilik mereka dibuat kunci lain. Kalau kita hendak cuba juga, mereka akan gunakan sekatan.

"Jadi mana yang harus saya lakukan, hendak menjaga golongan ini atau golongan terbesar pelajar? Saya percaya ibubapa tidak akan hantar anak mereka ke ITM kalau mereka tahu hal ini.

"Benda ini semua saya sembunyi selama ini, walaupun saya sudah tahu lama. Saya tidak mahu hendak tunjukkan kerana malu bangsa Melayu kita.

"Tetapi bermacam-macam fitnah telah dibuat terhadap diri saya. Risalah-risalah disebarikan di dalam masjid, mengata saya macam-macam. Ada yang menuduh saya menggunakan kuasa diktator dan lain-lain lagi. Jadi sampailah masanya saya fikir kita patut berterus terang," jelas Doktor Mahathir.

Beliau kemudian menceritakan bagaimana beliau pergi ke ITM dan nampak seorang pelajar perempuan kuyu sahaja matanya.

"Saya bertanya kepada Datuk Lokman apa sudah jadi kepada pelajar tersebut. Jawab Datuk Lokman, hisap dadah. Saya tanya, apa kita boleh buat? Tidak boleh buat apa-apa, kata Datuk Lokman.

"Sekarang cubalah saudara-saudara fikir sendiri. Kalau saya membenarkan ini, bermakna saya mengkhianati bang-

sa saya dan tidak memberi peluang untuk orang lain yang ingin belajar."

Menurutnya, beliau tidak suka hendak menceritakan ini semua kepada orang kerana malu. Tetapi sekarang beliau terpaksa.

Beliau juga memberitahu bahawa beliau telah cuba rapat dengan pelajar-pelajar supaya dapat bekerjasama tetapi tidak mendatangkan kesan. "Mula-mula mereka setuju, tetapi tidak kemudiannya."

Mengenai kad pengenalan kampus tiruan, katanya ada pelajar-pelajar yang menyimpan lebih dari satu kad untuk kegunaan orang lain.

"Kalau misalnya ada kawan datang ke kampus, mereka boleh gunakan kad itu untuk mendapatkan makanan percuma dan sebagainya. Macam mana ini boleh berlaku? Sepatutnya kalau mereka bersungut makanan tidak sedap mereka tidak seharusnya berbuat begitu."

Doktor Mahathir telah menunjukkan kad-kad yang dimaksudkannya itu — siap dengan nama-nama pelajarannya sekali.

Seorang ahli Dewan Pemuda PAS kemudian bertanya bagaimana dengan dakwah. Betulkah ada kempen anti Islam berlaku di ITM?

Jawab Doktor Mahathir: "Sekarang beginilah: Mereka mengatakan mereka golongan dakwah dan saya bersetuju. Tetapi ada setengah-setengah perbuatan mereka yang tidak meyakinkan saya."

"Contohnya ialah di surau ada satu poster yang berbunyi: 'Api ialah kuasa Tuhan' (poster itu di dalam Bahasa Inggeris). Saya sendiri yang ambil poster itu. Sekarang saya hendak tahu, mana di dalam agama Islam yang mengatakan api kuasa Tuhan?"

"Kemudian apabila saya pergi ke asrama pelajar-pelajar, saya dapati di pintu ada ayat Quran. Ini baguslah. Tetapi apabila saya masuk ke dalam saya dapati di atas tilam dilukis gambar bogel."

"Dakwah apa ini? Saya tidak marah kalau tidak ada ayat Quran di luar pintu. Jadi lebih baik kita jangan berdakwah kalau kita hendak mempersendakan dakwah."

"Saya fikir lingkup habis agama kita kalau macam ini," tambahnya.

Doktor Mahathir memberitahu, kenyataannya itu bukanlah fitnah. "Kalau hendak saya sumpah dengan Quran pun saya sumpah kerana saya melihatnya dengan mata kepala saya sendiri," tegasnya.

"Jadi kalau saya, orang yang diberi tanggungjawab, tidak menjalankan tugas lebih baik saya tak usah menjadi Menteri Pelajaran," katanya lagi.

Menyentuh tentang pencapaian, beliau menjelaskan bahawa bagaimana ramainya pelajar masuk ke ITM begitulah ramainya bilangan yang tidak lulus.

"Dalam kursus komputer sains yang memakan masa tiga tahun, 66 masuk tahun 1968 dan seorang sahaja lulus pada tahun 1970. Tahun 1969 masuk pula 72 penuntut baru, tidak seorang pun lulus pada tahun 1971."

"Dalam kursus kejuruteraan pada tahun 1968 masuk 47 orang, tetapi tidak seorang pun lulus pada tahun 1973."

"Kursus ini kita berikan enam tahun untuk mereka tamat. Kita pun sedar juga mereka ini kurang taraf kelulusannya kalau dibandingkan dengan mereka yang berpeluang masuk ke universiti. Di universiti kursus kejuruteraan hanya empat tahun. Jadi sepatutnya tentulah mereka boleh lulus, malangnya tidak seorang pun yang berjaya."

"Jadi, tugas saya ialah untuk mententeramkan mereka (pelajar di ITM) dan mengujudkan suasana kampus yang tenang. Saya fikir mustahil mereka boleh lulus kalau suasana di kampus keuar kacir."

keyakinannya, 'penyakit' ITM itu bukan krisis. Tetapi orang sahaja yang mengatakan krisis besar.

Apa yang terjadi sekarang samalah seperti budak kecil sakit perut, kerana kita tidak mencari doktor maka kita katakan budak itu kena polong, katanya.

Doktor Mahathir kemudian menerangkan bahawa beliau menghantar Datuk Lokman Musa menjadi Pengarah ITM ada dua sebab.

"Pertama, saya tahu dia boleh melaksanakan disiplin dan kedua, dia haji. Dia tahu pasal agama."

"Di kawasan tempat kediamannya kalau ada kematian orang akan cari dia. Baru-baru ini bila ibu mertua saya mati dialah yang uruskan semuanya. Saya tidak fikir ada pelajar ITM yang boleh menguruskan mayat."

Soalan dari Dewan Pemuda PAS: "Bagaimana doktor dulu pernah dianggap nabi oleh pelajar, tetapi sekarang mereka menentang doktor?"

Doktor Mahathir: "Ini senang sahaja. Dulu saya menentang satu orang dan orang itu salah. Jadi dengan sendirinya saya mendapat sokongan. Tetapi sekarang ini saya menentang mereka (pelajar) jadi, mereka tidak ada jalan lain selain dari menentang saya."

"Ini semua saya tidak hajiran. Perantut Universiti Malaya pun dulu benci pada saya. Tetapi bila saya pergi ke sana baru-baru ini mereka telah meminta kebenaran dari Profesor Ungku Aziz untuk bergambar dengan Menteri."

"Di sini, saya suka tuan-tuan faham bahawa saya bukanlah bermusuhan dengan mereka (pelajar ITM). Saya hanya bermusuhan bila mereka buat salah."

"Saya ini bermusuhan tidak kira siapa. Yang saya kira ialah salah atau betul. Saya tidak peduli sama ada dia orang besar atau pun kecil," terang Doktor Mahathir.

Soalan dari Dewan Pemuda PAS: Adakah pihak Doktor Mahathir sedia menimbangkan supaya pelajar-pelajar yang terlibat diberi peluang belajar semula memandangkan mereka Bumiputra, dengan dikenakan syarat-syarat?

Sekali lagi Datuk Mansor Othman menjawab soalan ini. Katanya: "Beginilah, katalah kita berjalan dan kaki kita kena kaca — kita sudah luka — adakah kita hendak suruh doktor supaya tidak jahit?"

"Saya rasa apa yang boleh kita buat ialah kita meminta doktor supaya jangan berbesar sangat. Tetapi jahit tatap jahit."

"Kalau hendak dikatakan tidak usah diubar, tentulah doktor tidak dapat berbuat demikian," katanya.

Doktor Mahathir mencelah: "Saya tetap akan mengambil tindakan. Saya berpandapat kalau tindakan tidak diambil sampai bila pun krisis ITM ini tidak akan selesai."

Kita akan terangkan dan menunjukkan bukti-bukti mengapa mereka dibuang.

"Kalau kita tidak singkir tidak bermakna segala usaha yang kita buat selama ini. Biarlah saya tidak popular, tetapi saya menjalankan tanggungjawab saya. Saya hendak kerja, bukannya popular."

"Lagipun kalau kita memaafkan mereka, pelajar lain akan berkata: 'Tenguk, kalau kita tunjuk perasaan pun bukannya kena buang!' terang beliau."

Doktor Mahathir lalu mengumumkan bahawa kabinet pada sebelah paginya telah memberi beliau kuasa penuh untuk menubuh dua jawatankuasa penyiasatan — pertama tentang pentadbiran kewangan ITM dan kedua pencapaian akademik.

Katanya, sejak tahun 1973 tidak pernah diperiksa kira-kira kewangan ITM. Kita tidak tahu bagaimana ia digunakan dan diselewangkan atau tidak.

Doktor Mahathir menambah, perbuatannya itu bukanlah kerana dendam atau ada niat buruk kepada pelajar-pelajar. "Masakan saya sanggup buat begitu kepada bangsa-saya sendiri."

Tiba di sini Dewan Pemuda PAS mengemukakan satu soalan: Bagaimana boleh diambil terlalu ramai pelajar?

Datuk Mansor Othman telah menjawab soalan ini. Katanya: "Saya ingat tuan-tuan tahu semangat Melayu. Dulu ada orang bertanya kenapa tidak kita tidak masukkan lebih ramai pelajar di ITM terlanjur kita ada institut. Jadi kitapun masukkanlah ramai-ramai. Tidak pula kami duga jadi begini."

Seperti budak kecil

"Satu lagi malangnya ialah di Kuala Lumpur ini politik diperjuangkan dengan begitu hebat sekali. Dan yang saya marah ialah kenapa bangsat sangat parti-parti politik ini hendak menjual pelajar?"

"Boleh dikatakan, ada sahaja parti-parti politik yang pergi berjumpa dan melayan pelajar-pelajar itu. Campur-tangan luar politik seperti ini hendaklah direntikan."

"Sekarang ini yang berlaku ialah kalau datang sebuah parti politik dan membawa pelajar itu ke sana, akan datang sebuah lagi parti politik dan bawa pelajar itu ke sini."

"Jadi budak-budak ini pun manjalah. Macam juga budak kecil, apabila sudah emak, ayah, adik, abang, mak long, pak lang, pak ngah hingga ke nenek kebyan pun memanjakannya, kita tidak dapat mengawal dia lagi. Tidak boleh kita hendak membetulkannya."

"Saya kalau hendak telanjangkan betul-betul boleh, tapi nanti muka kita hendak taruk mana? Saya sendiri tak peduli, saya tahan muka saya."

Menurut Datuk Mansor, malangnya bagi kes ITM ini belum lagi dapat dikaji sudah ramai orang memperkatakan supaya jangan dikaji.

Beliau sekali lagi menekankan bahawa mengikut

LIHAT MUKA 12
11/07/2018

DARI MUKA 4

Begitu juga dengan pencapaian akademik. Mengapa ramai tidak lulus, bagaimana nisbah pensyarah dan pelajar, peluang pekerjaan, bagaimana penuntut boleh ramai diambil dan sebagainya.

"Daripada laporan ini saya akan mengambil tindakan untuk menaikkan imej ITM dan tarafnya ke tempat yang asal," tegasnya.

Akhir sekali Datuk Mansor memberitahu bahawa beliaulah yang menyuruh Doktor Mahathir supaya membuat majlis penerangan secara terbuka itu. Katanya: "Yang mengambil tindakan saya, bukannya Doktor Mahathir."

Doktor Mahathir pula mencecah: "Datuk Mansor sebenarnya lebih keras dari saya."

Semua anggota Dewan Pemuda PAS itu telah menyatakan sokongannya terhadap tindakan Doktor Mahathir. Seorang wakil mereka memberitahu, mereka hanya mendapat penerangan dari portfolio Pelajaran Pergerakan Pemuda UMNO.

Mereka tidak menimbulkan sebarang keraguan pun kesanggupan Doktor Mahathir mengendalikan masalah tersebut.

Akhirnya Doktor Mahathir berjenaka: "Saya harap Pemuda PAS tolonglah saya sebab saya hendak kena kapak kecil ni," disambut dengan gelak ketawa oleh semua orang.

"Boleh, boleh," kata anggota-anggota Dewan Pemuda PAS itu dan majlis bersurai.